

# 5,218 kes Macau Scam sejak Januari hingga Oktober lalu

Sindiket penipuan babit kerugian sehingga RM256 juta

**Melaka:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 5,218 kes sindiket penipuan 'Macau Scam' di seluruh negara sepanjang tempoh Januari hingga Oktober tahun ini membabitkan jumlah kerugian sehingga RM256 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Je-

nayah Komersial Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, berkata daripada jumlah itu sebanyak 2,676 kes berjaya ditumpaskan, manakala 1,420 kes pula sudah dituduh di mahkamah di seluruh negara.

Beliau berkata, mangsa paling ramai terdiri daripada golongan wanita iaitu lebih 3,000 kes dan kebanyakan daripada mereka berusia lebih 51 tahun.

"Pada kebiasaannya mangsa yang tertipu berada dalam keadaan tertekan dan takut akan ditangkap dan dipenjara, selain risau hartanya akan dirampas.

"Jangan jawab panggilan tidak dikenali, namun sekiranya sudah dijawab, apabila diminta memindahkan wang ke dalam akaun mana-mana jabatan kerajaan, tidak perlu berbuat demikian, kerana kerajaan tidak pernah memberi arahan kepada orang awam memindahkan wang dari satu akaun ke akaun lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Ketua Polis Melaka dan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) negeri di sini, semalam.

Terdahulu, Datuk Abdul Majid

Mohd Ali, 58, dilantik sebagai Ketua Polis Melaka yang baharu menggantikan Datuk Mat Kasim Karim yang dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) Jabatan Pengurusan Bukit Aman.

Sementara itu, Abdul Majid berkata, sejumlah 169 pegawai dan anggota polis di Melaka menjalani kuarantin sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu sehingga kelmarin, susulan mempunyai kontak rapat dengan orang awam yang terdedah dengan jangkitan COVID-19.

Daripada jumlah itu, katanya,



**Zainuddin Yaacob**

seramai 164 orang bebas daripada jangkitan berkenaan, manakala lima lagi masih menunggu keputusan ujian saringan yang dijalankan Kementerian Kesihatan.

"Terdapat juga (anggota) sedang di bawah pengawasan di hospital dan di rumah," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Majid, berkata beliau akan menggunakan pengalamannya selama 38 tahun dalam PDRM untuk mencapai empat misi yang akan dilaksanakan di negeri ini.

**BERNAMA**

**Pada kebiasaannya mangsa yang tertipu berada dalam keadaan tertekan dan takut akan ditangkap dan dipenjara, selain risau hartanya akan dirampas.**

**Zainuddin Yaacob,**  
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman